

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/1992

Oktober/November 1991

BET 453/4: ENTOMOLOGI PERTANIAN & HUTAN

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BET 453/4)

1. Pada penghujung tahun lapan puluhan, pengeluaran buah mangga di sekitar Bagan Serai, Perak telah merosot dari tahun-tahun sebelumnya. Pegawai pertanian daerah melaporkan bahawa pokok mangga tidak sihat, kebanyakan dahan dan rantingnya mati. Jika dilihat dari jauh sebahagian besar dari daun pokok-pokok tersebut menjadi kering. Bahagian pucuk yang keluar pula lemah dan seakan layu. Apabila dibelah batang pucuk tersebut, terdapat larva serangga bewarna ungu di dalamnya. Daun-daun muda yang baru keluar putus di bahagian berdekatan dengan tangkai daun seakan-akan dipotong.

Berdasarkan laporan di atas, apakah spesis serangga perosak yang telah menyerang pokok-pokok mangga di Bagan Serai. Huraikan biologi dan cara mengawal perosak-perosak ini.

(20 markah)

2. Bincangkan biologi, kerosakan yang dilakukan dan hos yang diserang oleh perosak-perosak berikut.

- (a) *Apogonia* spp.
- (b) *Zauzera coffeae*
- (c) *Rhynchophorus ferrugineus*

(20 markah)

(BET 453/4)

3. Pengorek batang padi, sekumpulan perosak padi yang sangat serius pada satu masa dulu telah dapat dikawal menggunakan beberapa kaedah kawalan yang berkesan. Namakan spesies-spesies pengorek batang padi dan bincangkan cara kawalan yang telah dipraktikkan yang menyebabkan populasinya terbendung. Adakah kaedah yang sama boleh digunakan untuk mengawal pengorek batang tebu. Berikan alasan anda.

(20 markah)

4. Bincangkan satu perosak untuk tiap-tiap kumpulan sayuran berikut: Cruciferae, Curcubitae dan Solanaceae. Sertakan cara kawalan masing-masing.

(20 markah)

5. Huraikan kerosakan yang dilakukan oleh kumpulan Lepidoptera kepada pokok-pokok hutan. Bincangkan tiga spesies perosak dari kumpulan ini.

(20 markah)

6. Berdasarkan spesies perosak hutan di Malaysia, huraikan
(a) Lima spesies perosak hutan ladang
(b) Lima spesies perosak balak lama dan hasil-hasil hutan.

(20 markah)